

PTPTN timbang bayaran balik melalui potongan gaji

KUALA LUMPUR: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sedang menimbang dengan serius untuk melaksanakan sistem pembayaran balik mandatori melalui pemotongan gaji secara automatik oleh majikan terhadap peminjam yang sudah bekerja.

Pengerusi PTPTN, Datuk Dr Mohamad Shahrum Osman, berkata sekiranya sistem itu dilaksanakan, majikan yang didapati tidak melakukan pemotongan gaji berkenaan terhadap peminjam PTPTN boleh turut dikenakan denda.

Katanya, langkah itu sedang dikaji secara mendalam untuk mengatasi masalah budaya masyarakat yang 'liat' membuat pembayaran balik pinjaman pendidikan sehingga menjejaskan aliran kewangan tabung berkenaan.

Sambil menjelaskan masalah sama turut dihadapi pelbagai agensi pinjaman lain termasuk Majlis Amanah Rakyat (Mara), beliau berkata berdasarkan penelitian setakat ini, pelaksanaan sistem pembayaran balik mandatori sedemikian didapati lancar di negara lain seperti Australia dan New Zealand.

"Jawatankuasa Teknikal PTPTN sedang membincangkan cadangan ini dengan pelbagai pihak berkaitan. Dalam konteks ini, beberapa akta perlu dipinda sekiranya ia dilaksanakan, termasuk Akta PTPTN serta akta agensi yang diberi tanggungjawab untuk mengutip pembayaran balik pinjaman," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Bagaimanapun, Dr Mohamad Shahrum, berkata kesedaran mengenai kepentingan pembayaran balik pinjaman pendidikan didapati meningkat.

Malah, beliau berkata, golongan pelajar baru turut menyedari kepentingan pembayaran balik pinjaman untuk memastikan kelancaran pembiayaan tabung itu, sehingga mereka meluahkan rasa marah dan kesal melalui 'Facebook' terhadap tindakan senior yang liat membayar balik pinjaman walaupun sudah bekerja.

Dalam pada itu, Dr Mohamad Shahrum berkata, PTPTN juga sedang membuat kajian secara menyeluruh terhadap pelbagai cadangan berhubung pemberian pinjaman pendidikan pelajar.